



KAJIAN MANUSKRIP WAKAF SYEIKH ABDUL KADIR BUKIT BAYAS DI TERENGGANU

[RESEARCH ON WAKAF MANUSCRIPT OF SYEIKH ABDUL KADIR BUKIT BAYAS INI TERENGGANU]

MOHD RIDZUAN MOHAMAD¹ & AHMAD AZRIN ADNAN¹

¹ Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Jalan Sultan
Mohamad, 20519 Kuala Terengganu, Terengganu, MALAYSIA

*Corresponding Author: duan_shi@yahoo.com

Received: 28 February 2023 | Accepted: 23 March 2022 | Published: 30 March 2023

Abstrak

Sesuai dengan ketokohan Syeikh Wan Abdul Kadir bin Wan Abdul Rahim atau dikenali sebagai Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas sebagai ulama di Terengganu, beliau dilantik menjadi Mufti Kerajaan Negeri Terengganu semasa pemerintahan Baginda Sultan Omar. Beliau bukan hanya terkenal sebagai tokoh pendidikan berasaskan pondok, malah giat membudayakan amalan berwakaf. Kertas ini berhasrat untuk memperincikan pelaksanaan wakaf Syeikh Abdul Kadir berpandukan manuskrip ikrar wakafnya bertarikh 1830 Masihi. Kajian kualitatif ini melibatkan pelbagai dokumen penting yang disimpan di Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). Data yang diperolehi menerusi kajian perpustakaan ini dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan berdasarkan Enakmen Wakaf Terengganu 2016. Kajian ini mendapati bahawa ikrar wakaf Syeikh Abdul Kadir yang ditulis dalam bahasa Jawi lama mempunyai 13 halaman. Ikrar wakaf ini menjelaskan harta yang diwakafkan meliputi tanah, dusun dan rumah. Bagi setiap ahli zuriat pula sebagai penerima manfaat wakaf, Syeikh Abdul Kadir telah menyebut nama anak-anaknya dan melantik anaknya sebagai nazir bagi harta wakaf tersebut. Kajian ini bukan hanya memberi panduan dalam urusan pewakafan khususnya wakaf zuriat, tetapi juga memperihalkan Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas.

Kata kunci: Syeikh Abdul Kadir, Wakaf Zuriat, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Enakmen Wakaf Negeri Terengganu 2016 dan Kanun Tanah Negara 1965.

Abstract

Due to reputation of Syeikh Wan Abdul Kadir bin Wan Abdul Rahim or known as Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas as a scholar in Terengganu, he was appointed as Mufti of Terengganu State Government under ruling of His Highness Sultan Omar. He was well-known not just as a figure of pondok-based education, but also the one who vigorously cultivated the wakaf practice. This paper intends to elaborate the implementation of Syeikh Abdul Kadir wakaf based on his manuscript of wakaf pledge dated 1830 CE. This qualitative study involved various important documents preserved in Islamic Religious and Malay Customs Council of Terengganu (MAIDAM). Data obtained from this library research were analysed through content analysis method based on Wakaf Enactment of Terengganu 2016. This study found that wakaf pledge of Syeikh Abdul Kadir written in old Jawi language comprised of 13 pages. This wakaf pledge explained the property of wakaf pledge including land, orchard and house. For each member of descendants as the receiver of wakaf benefit, Syeikh Abdul Kadir had mentioned the names of his children and appointed them as nazir for the wakaf property. This study does not just provide guidance in matters of wakaf proceeding especially for descendant wakaf, but also describes Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas.

Keywords: Syeikh Abdul Kadir, descendant wakaf, Islamic Religious and Malay Customs Council of Terengganu (MAIDAM), Wakaf Enactment of Terengganu State 2016 and National Land Code 1965.

Cite as: Mohd Ridzuan Mohamad & Ahmad Azrin Adnan. (2023). Kajian Manuskrip Wakaf Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas di Terengganu [Research on Wakaf Manuscript of Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas in Terengganu]. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, 2(1), 23-42.

PENGENALAN

Negeri Terengganu salah sebuah negeri terawal yang melaksanakan syariat Islam berdasarkan penemuan batu bersurat yang bertarikh 4 Rejab 702 Hijriyyah bersamaan 22 Februari 1303 Masihi. Batu bersurat ini ditemui pada tahun 1887 di kawasan Padang Tara iaitu di tepi sungai Tara, Kampung Buluh, Kuala Berang, Terengganu. Batu bersurat ini juga merupakan sebuah piagam undang-undang Islam yang pertama di dunia yang ditulis dalam bahasa Jawi. Pada 31 Julai 2009, khazanah ini telah mendapat pengiktirafan daripada UNESCO iaitu sebagai ‘Daftar Memori Dunia Antarabangsa’. (Adi Yasran & Nurhidayah, 2010). Pada abad ke 16, kesultanan negeri Terengganu telah mula ditabalkan dan sultan pertama ialah Sultan Zainal Abidin I yang memerintah selama 25 tahun bermula pada 1708 hingga 1733. Baginda merupakan Putera Bendahara Johor Ke-18 iaitu Tun Habib Abdul Majid. Pemerintahan ini telah diwarisi secara turun menurun oleh kerabat sama ada dalam kalangan adinda, anakanda saudara, ayahanda saudara dan juga sepupu (Riswadi Azmi, 2022). Baginda juga telah didampingi oleh seorang tokoh agamawan terkemuka pada ketika itu iaitu Syeikh Abdul Malik Bin Abdullah atau lebih dikenali sebagai Tok Ku Pulau Manis. Beliau merupakan keturunan daripada Baghdad yang lahir pada tahun 1678 dan meninggal pada tahun

1736 Masihi. Tok Ku Pulau Manis merupakan penasihat agama atau mufti kepada Sultan Zainal Abidin I. Tok Ku Pulau Manis telah menuntut ilmu agama di Mekah dan guru yang terkemuka di sana ialah Syeikh Ibrahim al-Kurani. Selain itu, Tok Ku Pulau Manis juga menuntut ilmu di Aceh dan Jawa selama 10 tahun, antara guru yang terkenal di sana ialah Syeikh Abdul Rauf Singkel. (Zurita Yusoff, 2019).

Setelah kemudian itu, pada abad ke 17, lahir pula beberapa tokoh agamawan yang lain seperti Syeikh Abdul Kadir (1793- 1864), Tok Ku Tuan Besar (1794-1878) dan Tok Syeikh Qadhi iaitu ayah kepada Tok Syeikh Duyung (1802-1889). Tok Syeikh Qadhi adalah berasal daripada Patani dan beliau merupakan ketua rombongan pertama yang berhijrah ke Terengganu kerana pada ketika itu Patani dalam keadaan tidak aman disebabkan ancaman serangan daripada kerajaan Siam, dalam rombongan ini, salah seorang yang turut sertai adalah Syeikh Abdul Kadir. Terengganu pada ketika ini adalah di bawah pemerintahan Baginda Sultan Omar yang merupakan Sultan ke 9 yang memerintah pada 1836 hingga 1876 Masihi (Ahmad Fathy, 2011). Baginda Sultan Omar telah melantik Syeikh Abdul Kadir sebagai penasihat agama iaitu mufti manakala Tok Ku Tuan Besar sebagai Menteri Besar. Gelaran Menteri Besar yang dikurniakan kepada Tok Ku Tuan Besar adalah sebagai 'Paduka Raja Indera'. Ayah kepada Tok Syeikh Duyun pula iaitu Tok Syeikh Qadhi dilantik sebagai Qadhi utama. Sebelum Baginda Sultan Omar ditabalkan menjadi sultan di Terengganu, beliau telah ditabalkan oleh Kesultanan Jahor-Pahang-Riau-Lingga iaitu Sultan Muhammad Shah Ibni Al-Marhum Sultan Abdul Rahman untuk bersemayam di Lingga. Lingga merupakan satu wilayah yang terletak di Indonesia iaitu berhampiran di wilayah Aceh. Ketika Baginda berada di sana, beliau sering bersama dengan para ulama untuk diberi nasihat dan pandangan terhadap pentadbirannya. Apabila Baginda memerintah di Terengganu, Baginda turut melaksanakan amalan ini dengan melantik beberapa tokoh agamawan sebagai penasihat agama dan juga mufti. (Riswadi Azmi, 2022).

Pada zaman pemerintahan Baginda Sultan Omar, nilai-nilai Islam mula terserlah. Antaranya Baginda telah memerintahkan untuk membuat penyalinan baru bagi mashaf Al-Quran. Selain itu, banyak penulisan kitab-kitab agama mula diwujudkan, antaranya karya yang dihasilkan oleh Paduka Raja Indera iaitu Tok Ku Tuan Besar. Beliau telah menghasilkan sebanyak 16 karya dan beliau digelar sebagai 'Pengarang Melayu' pertama di negeri Terengganu. Baginda turut memuatkan beberapa nilai Islam dalam sektor kebudayaan. Ini dibuktikan bahawa perusahaan kain songket, sutera, alatan senjata dan alat pertukangan tembaga telah diukir mengikut corak kesenian Islam. Oleh kerana Baginda sangat berminat tentang ilmu agama dan kesenian Islam sejak daripada awal, beliau sering menjemput ramai tenaga pengajar agama daripada keturunan Arab dan beliau juga banyak mewakafkan tanahnya untuk pendidikan dan dimanfaatkan kepada masyarakat (Riswadi Azmi, 2022). Sehingga kini, tanah-tanah wakaf Baginda Sultan Omar telah direkodkan di Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) sebanyak 16 lot tanah. Tanah-tanah tersebut terletak secara berselerak di pelbagai tempat seperti di Mukim Manir, Mukim Serada, Mukim Gelugor Raja, Mukim Pengadang Buloh dan Mukim Tok Jamal. (MAIDAM, 2023).

Sehubungan itu, kedudukan wakaf Syeikh Abdul Kadir masih tidak diterokai secara mendalam oleh mana-mana pengkaji walaupun beliau merupakan orang yang hampir dengan

Baginda Sultan Omar yang banyak mewakafkan hartanya kepada rakyat di negeri Terengganu. Kajian sebelum ini tentang Syeikh Abdul Kadir adalah menjuruskan kepada hasil karya penulisannya. Menurut Zurita Yusoff (2022), hasil karya yang terkemuka Syeikh Abdul Kadir adalah kitab *Risalah Fi Bayan Hukum Al-Bay' Wa Al-Riba* bertarikh 1818 Masihi dan kitab *Mir'ah al-Mu'minin wa Tazkirah lil Ghafilin* bertarikh 1822 Masihi. Hasil kajian terhadap karyanya mendapati bahawa kandungan kitab tersebut turut membahaskan tentang ilmu fiqh yang melibatkan hukum asas jual beli, hukum riba, hukum bertolak ansur dalam jual beli (*al-musahalah*), hukum mengurangkan sukatan, hukum orang yang zalim, hukum menyorok barang jual beli (*al-ihthikar*) dan hukum mengambil modal bahagi laba (*al-mudhrabah*). Dalam penulisan tersebut, sebanyak 84 buah hadis dimuat dalam oleh beliau. Segala perbincangan fiqh adalah berpandukan kepada Mazhab Syafie. Sebagai tokoh agamawan yang terkemuka sepanjang masa, kajian tentang pewakafan Syeikh Abdul Kadir adalah penting untuk sumbangan ilmu kepada masyarakat dan juga pihak industri iaitu MAIDAM yang bertindak sebagai pemegang amanah tunggal wakaf di negeri Terengganu.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif menerusi kajian perpustakaan (*library research*). Kajian ini juga melibatkan kajian lapangan iaitu menemubual pegawai utama MAIDAM bahagian wakaf iaitu Abd Razak Bin Abd Rahman. Selain itu, kajian ini turut dilaksanakan melalui kaedah penerokaan (*exploratory*) dokumen bagi manuskrip ikrar wakaf Syeikh Abdul Kadir. Berapa dokumen lain seperti surat keterangan ahli zuriat merupakan sebagai data sokongan atau data sekunder untuk proses analisis yang dijalankan. Data secara primer iaitu ikrar wakaf Syeikh Abdul Kadir akan dianalisis secara analisis kandungan (*content analysis*) berdasarkan tema-tema wakaf yang berpandukan kepada Enakmen Wakaf Terengganu 2016. Analisis kandungan teks ini disusun secara no kod yang dibentuk iaitu Q1 hingga Q14.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Pelaksanaan wakaf di MAIDAM telah mula sejak belum kemerdekaan lagi. Tanah-tanah wakaf pada ketika tersebut telah didaftarkan di pejabat tanah dan geran atau suratan hak milik yang direkodkan dinamakan sebagai 'Kenyataan Settlement Bilangan' KSB dan kemudiannya ditukarkan kepada 'Keterangan Register Mukim' KRM. Mengikut rekod tanah wakaf yang didaftarkan dalam KSB atau KRM adalah sekitar pada tahun 1940 hingga 1950 an (Ridzuan Mohamad, 2020). Pada tahun 1955, telah wujud pelaksanaan wakaf secara khusus di bawah MAIDAM dengan dikuatkuasakan sebuah perundangan Islam iaitu *Administration Of Muslim Law Enactment* (Terengganu), seksyen 59 iaitu:

Notwithstanding any provision to the contrary contained in any instrument or declaration creating governing or affecting the same, the Corporation shall be the sole Controller of all wakaf, whether wakaf 'am or wakaf khas, and all nazr 'am,

and of all trusts of every description creating any charitable trust for the support and promotion of the Religion of Islam or for the benefit of Muslims in accordance with Muslim law, to the extent of any property affected thereby and situate in the State and, where the settler or other person creating the trust, wakaf or nazr 'am was domiciled in the State, to the extent of all property affected thereby wherever situate.

Selepas Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam ini dikuatkuasakan, beberapa kali pindaan dibuat iaitu pada tahun 1987 dan 2001. Pada tahun 2016, pelaksanaan wakaf dimuatkan secara khusus sebuah perundangan yang dinamakan sebagai Enakmen Wakaf Negeri Terengganu (2016). Enakmen ini telah diwartakan mengikut senarai nombor En.1/2016 (MAIDAM, 2022). Sebenarnya, pelaksanaan wakaf telah mula sejak lebih awal daripada perundangan ini iaitu bermula pada abad ke 17 Masihi lagi. Antara tokoh agamawan dan pembesar yang mula melaksana wakaf adalah seperti Baginda Sultan Omar, Tok Ku Tuan Besar, Tok Pelam (Haji Abdullah Bin Abdul Aziz) dan Syeikh Abdul Kadir. Berikut adalah tanah-tanah wakaf pada abad ke-17 yang direkodkan di MAIDAM:

Jadual 1: Pewakafan pada Abad ke 17 Masihi

Pewakaf	Tarikh (Masihi)	Tanah Wakaf
Baginda Sultan Omar	1836 (Mula Bertakhta)-1876 (Meninggal)	16 lot
Tok Ku Tuan Besar	1794 (Lahir)-1878 (Meninggal)	2 Lot
Syeikh Abdul Kadir	1793 (Lahir)-1864 (Meninggal)	2 lot
Tok Pelam	Tiada Rekod-1819 (Meninggal)	1 lot

Sumber: Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (2023)


Merujuk jadual 1 di atas, hanya 1 ikrar wakaf yang disimpan di Unit Wakaf MAIDAM iaitu ikrar wakaf Syeikh Abdul Kadir. Ikrar ini ditulis dalam bahasa jawi lama dan terdapat catatan tarikh pada tahun 1246 Hijriyyah bersamaan 1830 Masihi. Pada abad ke 18 pula, seorang lagi tokoh agamawan yang turut mewakafkan tanahnya iaitu Haji Abdullah Bin Mohamad Fatani. Beliau lahir pada 1880 dan meninggal pada 1919 Masihi (Abd Razak, 2023). Menurut keterangan ahli zuriatnya, beliau merupakan sepupu kepada tokoh agamawan yang terkenal iaitu Syaikh Daud Fatani (lahir pada 1720 meninggal pada 1879). Selain itu, Beliau juga mempunyai hubungan dengan Syeikh Abdul Kadir. Haji Abdullah Bin Mohamad Fatani telah mewakafkan tanahnya pada zaman kesultanan yang ke-12 iaitu Sultan Zainal Abidin III, sehingga kini, tanah wakaf tersebut telah diusahakan oleh pihak ahli zuriat yang bertindak sebagai penguasa ke atas tanah tersebut. Berkenaan kedudukan wakaf Syeikh Abdul Kadir, kajian ini akan menjelaskan secara ringkas biodata dan ikrar wakafnya sebagaimana huraian di bawah.

BIODATA SYEIKH ABDUL KADIR

Syeikh Wan Abdul Kadir Bin Wan Abdul Rahim mempunyai 6 orang adik beradik dan beliau merupakan anak yang ketiga daripada keluarga tersebut. Lima orang adik beradik iaitu Wan Naji, Wan Safiah, Wan Ali, Wan Osman dan Wan Omar. (Rosdi Nik Ahmad, 2011). Beliau lahir pada tahun 1793 di Patani dan meninggal pada tahun 1864 di Kuala Terengganu (Zurita Yusoff, 2022). Pada awal tahun 1800, Patani menjadi ancaman daripada tentera kerajaan Siam dan akhirnya satu rombongan pertama yang diketuai oleh Wan Mohamad Amin (Tok Syeikh Qadi) berhijrah ke negeri Terengganu, rombongan ini disertai juga oleh Syeikh Abdul Kadir. Beberapa ulama daripada Patani turut berhijrah ke Terengganu pada rombongan seterusnya iaitu Syeikh Daud Patani dan Syeikh Nik Dir Patani, namun kedua-dua ulama ini tidak bermukim lama di negeri Terengganu kerana beliau berangkat ke Mekah dan menetap di sana. Hingga kini, di kawasan Perkuburan Paya Bunga yang terletak di Pusat Bandar Kuala Terengganu terdapat sebuah perkampungan lama yang dinamakan sebagai kampung Patani. Ini adalah susulan penghijrahan beberapa rombongan masyarakat Patani yang terjadi pada sekitar abad ke 17 Masihi. (Ahmad Fathy, 2011).

Setelah Syeikh Abdul Kadir sampai di Terengganu, pada awalnya beliau menetap di Pulau Duyun Kecil, kemudiannya beliau berpindah di Bukit Bayas dan membina pondok serta masjid di sana untuk dijadikan sebagai pusat dakwah dan kegiatan agama kepada masyarakat setempat. Syeikh Abdul Kadir mempunyai empat orang isteri, isteri beliau terdiri daripada warga Siam yang memeluk Islam, warga Cina mualaf dan dua orang daripada warga tempatan iaitu berasal daripada Kemaman dan Losong, Terengganu. Hasil perkahwinan daripada isteri yang keempat bernama Wan Yah yang berasal daripada Losong, beliau dikurniakan seramai 21 orang anak. Syeikh Abdul Kadir merupakan seorang yang alim dan warak, antara guru-guru beliau ialah Syeikh Muhammad Salih Bin Ibrahim iaitu Mufti Mekah, Syeikh Ibrahim Bin Hassan al-Qurani iaitu ulama tersohor daripada Mekah, Syeikh Mohd Zain Bin Faqih Jalaluddin daripada Aceh dan Syeikh Muhammad Salih Bin Abdul Rahman Pauh Bok daripada Patani. Beliau melahirkan seorang anak didik yang tersohor setelah kematiannya iaitu Syed Abdul Rahman Bin Syed Muhammad atau lebih dikenali sebagai Tok Ku Paloh yang merupakan penasihat agama dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan pada masa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III (Ahmad Fathy, 2011). Sebagai tokoh agamawan terkemuka pada ketika itu, Baginda Sultan Omar telah melantik beliau sebagai penasihat agama atau Mufti di negeri Terengganu. Mengikut rekod di Jabatan Mufti Negeri Terengganu, Syeikh Abdul Kadir merupakan Mufti pertama berdasarkan surat lantikan yang dikurniakan oleh Baginda Sultan Omar yang dicatatkan pada 1838 (Azhar Harun, 2023).

Rajah 1: Surat lantikan Syeikh Abdul Kadir sebagai Mufti Negeri Terengganu



Sumber: Jabatan Mufti Negeri Terengganu (2023)

Syeikh Abdul Kadir meninggal dunia pada tahun 1864 Masihi di Kampung Paya Bunga dan dimakamkan di Perkuburan Syeikh Ibrahim, Bandar Kuala Terengganu (Zurita Yusoff, 2022).

PELAKSANAAN WAKAF SYEIKH ABDUL KADIR

Perlembagaan Persekutuan di bawah Jadual Kesembilan telah memperuntukkan bahawa segala urusan hal ehwal wakaf adalah terletak di bawah bidang kuasa negeri. Di Terengganu, MAIDAM merupakan pemegang amanah tunggal wakaf sebagaimana di peruntukan di bawah seksyen 4 Enakmen Wakaf Terengganu 2016. Enakmen Wakaf Terengganu telah memuatkan beberapa jenis wakaf yang boleh dilaksanakan iaitu wakaf am di bawah seksyen 14 (a), wakaf khas seksyen 14 (b), wakaf tunai seksyen 25, wakaf *irsod* seksyen 18 dan wakaf zuriat seksyen 35. Setiap wakaf yang dinyatakan dalam perundangan tersebut mempunyai pelaksanaan yang berbeza. Pertama, wakaf khas ialah suatu wakaf yang diwujudkan bagi tujuan tertentu seperti untuk pembinaan masjid, surau, tapak pengajian agama dan sebagainya. Kedua, wakaf am ialah suatu wakaf yang diwujudkan dalam bentuk kebajikan umum. (JAWHAR, 2009) Ketiga, wakaf *irsod* adalah pewakaf terdiri daripada mana-mana organisasi atau kerajaan yang bukan bersifat individu yang mewakafkan hartanya untuk tujuan tertentu (Ridzuan, 2021) Keempat, wakaf zuriat ialah suatu wakaf yang wujudkan tujuan ahli zuriat tertentu (YWM, 2023). Di MAIDAM, wakaf zuriat

dikategorikan bersama dengan wasiat pewakaf kerana dalam ikrar wakaf zuriat terdapat juga wasiat yang perlu ditunaikan oleh para ahli warisnya. Terdapat 12 jenis wakaf zuriat dan wasiat yang direkodkan sebagaimana jadual 2 di bawah:


Jadual 1: Senarai Wakaf Zuriat / Wasiat di MAIDAM

Wakaf Zuriat / Wasiat	Tanah Wakaf
Wakaf Zuriat Haji Abdullah Muhammad Al-Fatani	1 lot
Wakaf Zuriat Tok Pelam	1 Lot
Wakaf Wasiat Haji Omar Bin Abd Razak	1 lot
Wakaf Wasiat Syarifah Salma	1 lot
Wakaf Zuriat To' Puan Nik Mahani	1 lot
Wakaf Zuriat Haji Mohd Musa	1 lot
Wakaf Zuriat Dato Kaya Bin A Wan Rahim	1 lot
Wakaf Wasiat Tuan Sulong	1 lot
Wakaf Zuriat Engku Syed Zain	2 lot
Wakaf Zuriat Che Wok Binti Mahmud	1 lot
Wakaf Wasiat Haji Awang Bin Ngah	1 lot
Wakaf Wasiat Tengku Nik Maimunah	2 lot
Wakaf Wasiat Haji Abdullah	2 lot
Wakaf Zuriat Syeikh Abdul Kadir	10 lot

Sumber: Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (2023)

Bagi kedudukan wakaf Syeikh Abdul Kadir, pihak MAIDAM mengklafikasikan sebagai wakaf zuriat kerana kandungan yang terdapat dalam ikrar wakaf tersebut telah dinyatakan manfaat wakafnya hendaklah diberikan kepada anak-anaknya secara turun menurun. Salinan ikrar wakaf Syeikh Abdul Kadir telah disimpan di MAIDAM berdasarkan rekod fail 03-024/1. Ikrar wakaf ini ditulis dalam bahasa Jawi bertarikh pada 1246 Hijriyyah bersamaan 1830 Masihi, wakaf ini juga dilaksanakan pada zaman sultan Terengganu yang ke-9 iaitu Baginda Sultan Omar. Jika merujuk catatan tarikh ikrar ini, usianya sehingga sekarang adalah 192 tahun. Ikrar asal mempunyai 13 halaman dan pada 3 Mac 1961, ikrar ini ditulis semula dalam bahasa Rumi hanya 1 halamannya sahaja, ia ditulis daripada ikrar asal iaitu halaman kedua dan ketiga sahaja. Pada halaman ini menceritakan secara khusus tentang tanah wakaf di Bukit Bayas dan 1 tempat di Sungai Derhaka. Manakala halaman yang lain pula menceritakan tentang wasiat, bilangan ahli keluarga dan harta-hartanya yang terletak di pelbagai tempat seperti di Kampung Paya Bunga dan Kampung Ladang, Kampung Laut Titian dan Kampung Seberang Ibai.

Rajah 2: Ikrar Wakaf Syekh Abdul Kadir bertarikh 1246 H bersamaan 1830M



Rajah 3: Salinan semula Ikrar Wakaf Syeikh Abdul Kadir dalam Bahasa Rumi pada 23 Mac 1961

CAP SULTAN UMAR IBNU AL-SULTAN AHMAD

SANNAH 1253

Dan lagi patik yang tua menyembahkan maklum mengharapkan ampun beribu-ribu ampun Ke Bawah Duli Tuanku yang maha Mulia patik yang tua menfasalkan segala pemberian dan pembahagian patik yang tua serta mewakaf dengan patik tuha itu dan maka darat Bukit Bayas itu membahagikan kepada anak patik yang di Bukit Bayas itu dengan jalan yang sah pada hukum Allah Taala, maka adalah fasal dusun wakaf Seri Paduka Ninda yang di dalam parit itu maka dusun yang kepada pacal-pacal itu Pak Jenal dan sulong dan kadar menentu Pak Jenal itu patik pulangkan jadi nazirnya kepada anak patik itu Haji Abdullah serta hasilnya dan manfaatnya maka pahalanya dihadiahkan kepada Seri Paduka Ninda Marhum serta patik pesankan dan wasiatkan anak patik itu suruh ihtiar baiki atap masjid yang dua tapang ibunya diatas sekali serta dengan rabungnya dan lagi mana-mana yang rosak perkakas masjid itu biarlah anak patik itu perbaiki dengan hasil dusun itulah dan lagi ada tanah wakaf sebelah matahari naik kampung itu pun patik pulangkan jadi nazamya dan hasilnya dan manfaatnya kepada anak patik itu haji Abdullah juga dan lagi tanah petai itu pun diberi kepada Haji Abdullah juga maka ini lain daripada tanah kampung patik itu adapun tanah kampung patik yang tua itu maka tanah rumah anak patik itu Haji Abdullah singkatnya sebelah matahari naik daripada pagar terus sebelah matahari naik sampai kepada pagar terus sebelah matahari jatuh yang dekat dengan rumah anak patik itu iaitu panjangnya dan lintangnya daripada pagar terus tepi selasar patik yang tuha sampai kepada perenggang Tanah patik itu Wan Muda jual kepada anak patik itu maka tanah ini patik berikan kepada anak patik itu Haji Abdullah adapun tanah sebelah matahari jatuh tanah itu, maka iaitu tiada patik berikan kepada siapa-siapa lagi maka perenggang daripada pagar terus sebelah matahari jatuh rumah anak patik itu Haji Abdullah sampai kepada baruh sebelah matahari jatuh itulah panjangnya dan lintangnya daripada pagar terus sebelah laut sampai kepada pohon buluh sebelah darat maka tanah ini apabila tiada hayat patik yang tua dijualkan tanah itu patik hendak bayar amanah orang kepada patik demikian lagi adanya dan lagi ada tanah kampung patik itu encik masih singkat pagar terus tepi rumah samad sebelah ke laut lalu kepada rumah encik arif sebelah ke darat hingga sampai kepada tanda dan singkat dan perenggangnya maka tanah ini diberi kepada anak patik itu Haji Abdullah juga dan nilai ada pula tanah padi patek yang tua beli kepada patik itu Tuan Haji Mahmud sebelah sungai Derhaka harganya enam puluh rial maka harganya itu masuk harga gelang anak patik it Haji Abdullah kurang sedikit empat rial maka patik tambah pula dengan rial sendiri jadi enam puluh rial, maka tanah ini patik berikan kepada anak patik itu Haji Abdullah juga dan lagi patik beri pula kepada anak patik itu Haji Abdullah tanah patik beli kepada pacal itu Muhamad Ali Ibai tiga puluh rial dan lagi dusun Kampung Pacal itu Lebai Yahya di Bukit Subuh itu patik wakaf niatkan pahalanya kepada anak patik yang sudah mati Tijah namanya maka nazirnya dan hasilnya dan manfaatnya patik pulangkan kepada anak patik itu Haji Abdullah juga dan lagi ada patik yang tua beri pula kepada anak patik itu Haji Abdullah kira-kira hisab rial tiga puluh rial patik suruh anak patik itu beli dusun buat wakaf pahala dihadiahkan kepada patik itu encik Fatimah yang mati anak patik itu tuan Haji Abdullah Kudung, maka wakaf yang patik pulangkan kepada anak patik ini Haji Abdullah itu semua tiada harus lagi anak patik itu jual beli segala dusun wakaf dan tanahnya itu selama-lamanya hanyalah boleh mengambil hasilnya dan manfaatnya jua bagi anak patik itu Haji Abdullah kemudian hingga sampai kepada turun temurunnya.

SALINAN YG DISAHKAN OLEH

23.3.1961

9.4.42

Sumber: Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (2023)

Kedudukan susun atur ikrar wakaf ini dirumuskan semula berdasarkan kaedah analisis tematik (tema-tema wakaf). Tema-tema wakaf adalah berdasarkan Enakmen Wakaf Terengganu 2016, pertama *waqif* iaitu pewakaf (seksyen 23), kedua *mawquf* iaitu harta yang diwakafkan (seksyen 13) dan *mawquf alaihi* iaitu tujuan wakaf (seksyen 29). Analisis teks kandungan (*content analysis*) bagi ikrar wakaf Syeikh Abdul Kadir ini diletakkan nombor kod iaitu Q1 hingga Q14 untuk proses huraian selanjutnya. Skop analisis ini hanya tertumpu kepada teks bahasa Rumi yang bertarikh 1961 kerana tanah-tanah ini masih direkodkan di MAIDAM. Analisis kandungan teks ini sebagaimana jadual 4 di bawah:

Jadual 4: Analisis kandungan Ikrar Wakaf Syeikh Abdul Kadir

Tema wakaf	Kandungan ikrar wakaf (beberapa kandungan teks digarisnya untuk huraian tema)	Kod
(<i>Waqif</i>) Pewakaf telah menyembah maklum kepada Sultan untuk melaksanakan hasrat perwakafaannya	<i>Dan lagi patik yang tua menyembahkan maklum mengharapkan ampun beribu-ribu ampun Ke Bawah Duli Tuanku yang maha Mulia patik yang tua menfasalkan segala pemberian dan pembahagian patik..</i>	Q1
(<i>Waqif</i>) Pewakaf menyatakan dirinya telah berusia	<i>..patek yang tua serta <u>mewakafkan</u> dengan patik tua itu</i>	Q2
(<i>Mawquf</i>) Harta yang diwakafkan	<i>..maka <u>darat Bukit Bayas</u> itu membahagikan kepada anak patik yang di Bukit Bayas itu dengan jalan yang sah pada hukum Allah Taala, maka adalah <u>fasal dusun</u> wakaf Seri Paduka Ninda yang di dalam parit itu maka dusun yang kepada pacal-pacal itu..</i>	Q3
(<i>Mawquf alaihi</i>) Menentukan nazir wakaf	<i>..<u>Pak Jenal</u> dan sulong dan kadar menentu Pak Jenal itu patik pulangkan <u>jadi nazirnya</u> kepada anak patik itu Haji Abdullah serta hasilnya dan manfaatnya maka pahalanya dihadiahkan kepada Seri Paduka Ninda Marhum..</i>	Q4
(<i>Mawquf alaihi</i>) Hasil wakaf digunakan untuk baiki masjid	<i>..patik pesankan dan wasiatkan anak patik itu suruh ihktiar <u>baiki atap masjid</u> yang dua tapang ibunya diatas sekali serta dengan rabungnya dan lagi mana-mana yang <u>rosak perkakas masjid</u> itu biarlah anak patik itu perbaiki dengan <u>hasil dusun</u> itulah dan lagi ada tanah wakaf sebelah matahari naik kampung itu pun patik pulangkan jadi nazirya..</i>	Q5
(<i>Mawquf</i>)	<i>...dan hasilnya dan manfaatnya kepada <u>anak patik itu haji Abdullah</u> juga dan lagi <u>tanah petai</u> itu pun diberi kepada Haji Abdullah juga maka ini lain daripada tanah</i>	Q6

- Harta yang diwakafkan dan (Mawquf alaihi) Harta wakaf yang dimaafkan kepada anaknya (Haji Abdullah)
- kampung patik itu adapun tanah kampung patik yang tua itu maka tanah rumah anak patik itu Haji Abdullah singkatnya sebelah matahari naik daripada pagar terus sebelah matahari naik sampai kepada pagar terus sebelah matahari jatuh yang dekat dengan rumah anak patik itu iaitu panjangnya dan lintangnya daripada pagar terus tepi selasar patik yang tuha sampai kepada perenggang...*
- ..tanah patik itu Wan Muda jual kepada anak patik itu maka tanah ini patik berikan kepad anak patik itu Haji Abdullah adapun tanah sebelah matahari jatuh tanah itu..* Q7
- ..maka iaitu tiada patik berikan kepada siapa-siapa lagi maka perenggang daripada pagar terus sebelah matahari jatuh rumah anak patik itu Haji Abdullah sampai kepada baruh sebelah matahari jatuh itulah panjangnya dan lintangnya daripada pagar terus sebelah laut sampai kepada pohon buluh sebelah darat..* Q8
- ..maka tanah ini apabila tiada hayat patik yang tua dijualkan tanah itu patik hendak bayar amanah orang kepada patik demikian lagi adanya dan lagi ada tanah kampung patik itu encik masih singkat pagar terus tepi rumah samad sebelah ke lalu kepada rumah encik arif sebelah ke darat hingga sampai kepada tanda dan singkat dan peranggannya maka tanah ini diberi kepada anak patik itu Haji Abdullah juga..* Q9
- (Mawquf) Harta wakaf
- ..dan nila ada pula tanah padi patik yang tua beli kepada patik itu Tuan Haji Mahmud sebelah sungai Derhaka harganya enam puluh rial maka harganya itu masuk harga gelang anak patik itu Haji Abdullah kurang sedikit empat rial maka patik tambah pula dengan rial sendiri ja enam puluh rial, maka tanah ini patik berikan kepada anak patik itu Haji Abdullah juga..* Q10
- (Mawquf alaihi) Harta wakaf yang dimaafkan kepada anaknya (Haji Abdullah)
- ...patik beri pula kepada anak patik itu Haji Abdullah tanah patik beli kepada pacal itu Muhamad Ali Ibai tiga puluh rial dan lagi dusun Kampung Pacal itu Lebai Yahya di Bukit Subuh itu...* Q11
- (Mawquf alaihi) Pewakaf telah berniat pahala wakafnya kepada anaknya yang
- ..patik wakaf niatkan pahalanya kepada anak patik yang sudah mati Tijah..* Q12

telah meninggal dunia
iaitu Tijah.

(Mawquf) Harta yang diwakafkan dan (Mawquf alaihi) Harta wakaf yang dimaafkan kepada anaknya (Haji Abdullah) dan pahala kepada Fatimah dan Haji Abdullah Kudung yang telah meninggal (Mawquf alaihi) Harta wakaf yang diberikan kepada anaknya Haji Abdullah adalah harta wakaf yang digunakan untuk ahli zuriat secara turun menurun.	..maka nazirnya dan hasilnya dan manfaatnya patik pulangkan kepada anak patik itu Haji Abdullah juga dan lagi ada patik yang tua beri pula kepada anak patik itu <u>Haji Abdullah kira-kira hisab rial tiga puluh rial patik</u> <u>suruh anak patik itu beli dusun buat wakaf pahalanya</u> <u>dihadiahkan kepada patik itu encik Fatimah yang mati</u> <u>anak patik itu tuan Haji Abdullah Kudung..</u>	Q13
	..maka wakaf yang patik pulangkan kepada anak patik ini Haji Abdullah itu semua tiada harus lagi <u>anak patik itu</u> <u>jual beli segala dusun wakaf dan tanahnya itu selama-</u> <u>lamanya hanyalah boleh mengambil hasilnya dan</u> <u>manfaatnya jua bagi anak patik itu Haji Abdull kemudian</u> <u>hingga sampai kepada turun temurunnya.</u>	Q14

Sumber: Penyelidik, 2023

Berdasarkan rajah 4 di atas, Q1 merupakan *waqif* iaitu pewakaf. Pewakaf adalah Syeikh Abdul Kadir dan ketika beliau hendak mewakafkan hartanya, beliau memberi tahu bahawa dirinya telah berusia. Bagi *mawquf* atau harta-harta yang diwakafkan pula, beliau memberi tahu beberapa penanda aras bagi tempat-tempat yang diwakafkan khususnya di Bukit Bayas. Sebanyak 11 tempat yang dinyatakan dalam ikrar wakaf bagi halaman 2-3 mengikut ikrar asal. 11 tempat tersebut merangkumi tanah, rumah dan dusun. Q3, Q8, Q9 mendapati tanah-tanah yang diwakafkan mempunyai arah penanda. Q3, Q6, Q11 pula merupakan tanah yang berstatus dusun atau kebun. Manakala Q7, Q10, Q11, Q13 merupakan tanah yang diperolehi secara pembelian dan Q6 pula merupakan rumah kediaman. Susunan nombor kod sebagaimana **rajah 5** di bawah:

Jadual 5: *Mawquf* (harta wakaf) bagi Wakaf Syeikh Abdul Kadir

<i>Mawquf</i> (Harta wakaf)	No Kod
<i>darat Bukit Bayas</i>	Q3
<i>fasal Dusun</i>	Q3
<i>tanah petai</i>	Q6
<i>tanah rumah anak patik itu Haji Abdullah singkatnya</i>	Q6
<i>sebelah matahari naik daripada pagar terus sebelah</i>	

<i>matahari naik sampai kepada pagar terus sebelah matahari jatuh</i>	
<i>Tanah patik itu Wan Muda jual</i>	Q7
<i>perenggang daripada pagar terus sebelah matahari jatuh rumah anak patik itu Haji Abdullah sampai kepada baruh sebelah matahari jatuh itulah panjangnya dan lintangnya daripada pagar terus sebelah laut sampai kepada pohon buluh sebelah darat</i>	Q8
<i>tanah kampung patik itu encik masih singkat pagar terus tepi rumah samad</i>	Q9
<i>nila ada pula tanah padi patik yang tua beli kepada patik itu Tuan Haji Mahmud sebelah sungai Derhaka</i>	Q10
<i>tanah patik beli kepada pacal itu Muhamad Ali Ibai tiga puluh rial</i>	Q11
<i>dusun kampung Pacal</i>	Q11
<i>Haji Abdullah kira-kira hisab rial tiga puluh rial patik suruh anak patik itu beli dusun buat wakaf</i>	Q13

Sumber: Penyelidik, 2023

Berdasarkan jadual 5 di atas, jumlah tanah wakaf yang direkodkan di MAIDAM adalah sebanyak 10 lot. Ini kerana rekod yang dibuat oleh ‘Pendaftar Tanah’ adalah berdasarkan Kanun Tanah Negara 1965 iaitu terkemudian daripada pewujudan ikrar wakaf yang bertarikh 1830 Masihi. Dalam keadaan tersebut, endorsan dalam geran hak milik dinyatakan adalah ‘wakaf zuriat Syeikh Abdul Kadir bin Wan Abdul Rahman’. Senarai lot tanah tersebut iaitu:

Jadual 2: Senarai Tanah-Tanah Wakaf Syeikh Abdul Kadir yang direkodkan di MAIDAM

Keterangan tanah	Catatan
Lot: 714 / No Hak Milik: 2640 / Mukim: Bukit Besar / Daerah: Kuala Terengganu / Tempat: Kampung Pak Bang	Tanah ini telah diambil balik oleh pihak Kerajaan pada 28.11.1957
Lot: 713 / No Hak Milik: 2641 / Mukim: Bukit Besar / Daerah: Kuala Terengganu / Tempat: Kampung Pak Bang	Tanah ini telah diambil balik oleh pihak Kerajaan pada 28.11.1957
Lot: 393 (lot 1783) / No Hak Milik: KRM 2684 (GM 3488) / Mukim: Pasir Panjang / Daerah: Kuala Terengganu / Tempat: Kampung Pasir Panjang	
Lot: 45 / No Hak Milik: 37 / Mukim: Bukit Besar / Daerah: Kuala Terengganu	

Lot: 1258 / No Hak Milik: 2625 / Mukim: Bukit Besar / Daerah: Kuala Terengganu / Tempat: Kampung Gelong Panjang	Telah ambil balik oleh Kerajaan dan diistibdalkan semula dengan tanah lain iaitu lot 3769 dan lot 3768
Lot: 2574 / No Hak Milik: 2711 / Mukim: Bukit Besar / Daerah: Kuala Terengganu / Tempat: Kampung Gelong Jejawi	Telah ambil balik oleh Kerajaan dan diistibdalkan semula dengan tanah lain iaitu lot 3805 dan lot 3806
Lot: 1316 / No Hak Milik: 1965 / Mukim: Bukit Besar / Daerah: Kuala Terengganu / Tempat: Kampung Padang	
Lot: 6516 / No Hak Milik: KRM 5595 / Mukim: Pengadang Buluh / Daerah: Kuala Terengganu / Tempat: Kampung Laut	
Lot: 6517 / No Hak Milik: KRM 5596 / Mukim: Pengadang Buluh / Daerah: Kuala Terengganu / Tempat: Kampung Laut	
Lot: 6518 / No Hak Milik: KRM 5597 / Mukim: Pengadang Buluh / Daerah: Kuala Terengganu / Tempat: Kampung Laut	

Sumber: Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (2023)

Syeikh Abdul Kadir juga telah memberi tahu bahawa hasil wakaf yang diperoleh daripada dusun hendaklah digunakan untuk memperbaiki atap dan keperluan perkakas masjid (Q5). Beliau juga ada menyatakan status nazir iaitu pengawal ke atas harta wakafnya yang diamanahkan kepada tiga orang iaitu Pak Jenal, Sulong dan Kadar (Q4). Dalam ikrar ini, pelaksanaan wakaf ini dibuat secara wakaf zuriat iaitu penerima manfaat adalah anaknya secara '*turun menurun*' (Q14). Berkenaan kedudukan salasilah zuriat pula, Syeikh Abdul Kadir telah melantik anaknya sebagai nazir untuk menjaga harta wakafnya mengikut tempat yang berbeza sebagaimana merujuk pada ikrar yang asal iaitu:

Jadual 3: Nama-nama anak Syeikh Abdul Kadir yang dinyatakan dalam Ikrar


Senarai Nama	Kandungan Teks	Halaman Ikrar
Haji Abdullah	<i>...dan lagi ada tanah wakaf sebelah matahari naik kampung itu pun patik pulangkan jadi nazirya dan hasilnya dan manfaatnya kepada anak patik itu <u>haji Abdullah...</u></i>	2-3
Halimah	<i>..sebelah laut titian tanah wakaf maka patek pulangkan nazirnya dan hasilnya dan munfaatnya kepada <u>anak patik itu Halimah..</u></i>	5
Selamah	<i>...dusun wakaf....sangkat ke matahari naik sampai ke rumah Haji Jawa dan matahari jatuh sampai ke bawah dekat rumah</i>	5

		<i>Kadir maka ini patek tua pulangkan nazirnya kepada <u>anak patik iatu Selamah...</u></i>	
Haji Ngah		<i>..rumah patik yang tiga empat buah rumah itu letaknya daripada pagar terus selasar yang tua sebelah darat sampai kepada terus selasar <u>anak patik itu Haji Ngah..</u></i>	7
Abu Bakar		<i>..Seberang Ibai dan pohon nyior yang pacal itu solung tanam dan segala pohon nyior yang pacal lebai Hussein tanam itu maka patek wakaf semuanya.....maka nazirnya dan hasinya dan munafaatnya segala dusun itu patek pulangkan kepada <u>anak patik itu Abu Bakar..</u></i>	8
Mohd Said		<i>..Seberang Ibai itu sudah patek wakafkan bari diri patek dan ibu bapa patek maka hasinya dan munafaatnya dan nazirnya patik pulangkan dan berikan pada <u>anak patik itu Mohd Said..</u></i>	8
Mohd Amin, Abdul Rahim dan Abdul Rahman		<i>..tanah wakaf yang pacal itu Samad Kon buat baruhnya dan tanah daratan yang pacal itu Lebai Deman buat padi itu patik pulangkan dan hasilnya dan munafaatnya kepada <u>anak patik bertiga itu Mohd Amin, Abdul Rahim dan Abdul Rahman..</u></i>	9
Mohd Salleh		<i>..tanah yang di Ladang itu...maka tanah itu patik wakafkan dengan kerana Lillahitaala maka hasilnya dan munafaatnya itu patik pulangkan dan berikan kepada <u>anak patik itu Mohd Salleh...</u></i>	10
Kalsum		<i>..dusun nyior yang ada di Ladang pada pacal orang itu, makai aitu bukan dusun patek iaitu dusun <u>anak patik itu Kalsum..</u></i>	11
Jamilah		<i>..dusun nyior yang di ladang itu juga yang pada pacal itu Talib dan Bahrum serta tanah lingkungan pagar kampungnya itu <u>hak anak patik Jamilah..</u></i>	11
Maimunah		<i>..maka sekelian perkakas yang di dalam rumah patek itu semuanya ada juga patik taruh surat dengan khat patek tuan sendiri dengan kenyataanya dan keterangan, pembahagian patik kepada anak-anak patik Kalsum dan Maimunah..</i>	12


Sumber: Penyelidik, 2023

Berdasarkan jadual 3 di atas, pihak MAIDAM mempunyai simpanan rekod salasilah ahli zuriat sebanyak tiga (3) dokumen. 1 dokumen mempunyai catatan tarikh manakala 2 lagi tidak mempunyai catatan tarikh. Dokumen berikut sebagaimana rajah di bawah:


Rajah 6: Salasilah Wakaf Syekh Abdul Kadir (Dokumen 1)



Rajah 7: Salasilah Wakaf Syekh Abdul Kadir (Dokumen 2)



Rajah 7: Salasilah Wakaf Syeikh Abdul Kadir (Dokumen 3)



Rajah 6 di atas merupakan salasilah ahli zuriat yang ditulis pada 17 Februari 1981. Dokumen ini dibuat oleh Zaimah Binti Hasyim dan beliau mendakwa bahawa beliau adalah keturunan yang ke 8 daripada zuriat Syeikh Abdul Kadir. Dalam salasilah ini dinyatakan 3 orang anak iaitu Wan Mohd Amin, Wan Abdul Rahim dan Wan Abdul Rahman. Jika merujuk dalam ikar asal, ketiga-tiga anaknya terdapat pada halaman ke-9 (Jadual 3). Zaimah juga menyatakan bahawa keturunan ini adalah penerima manfaat ke atas tanah wakaf yang terletak surau Pasir Panjang. Keterangan tanah ini iaitu (lot 393) Lot: 393 (lot 1783 baharu) / No Hak Milik: KRM 2684 (GM 3488).

Bagi rajah 7, salasilah ini menunjukkan Syeikh Abdul Kadir mempunyai seorang anak yang bernama Wan Selamah. Dalam carta ini, Wan Selamah mempunyai 4 orang anak iaitu Haji Wan Ahmad, Wan Mek, Wan Lijah dan Minah. Wan Selamah juga turut terdapat dalam ikrar wakaf pada halaman ke 5 (Jadual 3).

Rajah 8 pula menjelaskan bahawa terdapat 4 orang anak Syeikh Abdul Kadir iaitu Haji Abdullah, Wan Selamah, Wan Wook dan Wan Su. Haji Abdullah dan Wan Selamah terdapat dalam ikrar asal wakaf manakala Wan Wook dan Wan Su tidak terdapat dalam ikrar tersebut. Namun demikian, pada halaman pertama dalam ikrar wakaf, Syeikh Abdul Kadir tidak menyatakan nama-nama anaknya secara khusus. Maka kedua nama ini kemungkinannya sebagai anak Syeikh Abdul Kadir. Hal ini dikuatkan juga menurut pandangan Ahmad Fathy (2011) dalam kajiannya menyatakan anak Syeikh Abdul Kadir adalah seramai 21 orang kesemua daripada Isteri yang bernama Wan Yah. Walau bagaimana pun, pihak MAIDAM kini sedang memperkemaskan lagi maklumat ahli waris yang baharu (Abd Razak, 2023)

KESIMPULAN

Wakaf zuriat merupakan warisan penting kepada khazanah Islam. Di Terengganu, wakaf zuriat yang telah wujud sejak sekian lama bukan sahaja mencerminkan tentang pelaksanaan wakaf tetapi ia juga mencerminkan kedudukan kemegahan warisan masyarakat Islam terdahulu seperti sifat kepemurahan para pembesar dan tokoh agamawan sehingga banyak harta mereka diwakafkan. Wakaf Syeikh Abdul Kadir salah satu bukti yang menunjukkan kehebatan pelaksanaannya berdasarkan manuskrip ikrar wakaf yang ditinggalkan dan diguna pakai sehingga sekarang. Hasil kajian ini menjadi perintis untuk para pengkaji akan datang untuk menerokai secara lebih mendalam tentang perkara ini. Selain itu, hasil kajian ini penting untuk diketahui oleh masyarakat umum khususnya di Terengganu.

Rujukan

- Abd Razak Abd Rahman, Temubual Pegawai MAIDAM, pada 22 Januari 2023.
- Adi Yasran Abdul Azizi & Nurhidayah Jumaat. 2010. Sistem Ejaan Jawi dan Kosa Kata Pada Batu Bersurat Piagam Terengganu. *Journal ASWARA Akaedemik Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan*. 5(1), 3-17.
- Ahmad Fathy. 2011. Ulama Patani di Terengganu: Sejarah dan Peranan. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*. ISBN 978-983-9638-57-4
- Azhar Harun. 2023. Sejarah Institusi Fatwa Negeri Terengganu' Kertas Kerja Pembentangan daripada Jabatan Mufti Negeri Terengganu, Bertempat: Hotel Primula bertarikh 9 Mac 2023.
- Fail MAIDAM 03-024/1, 03-024/1/5 (sk 1), 03-024/1/3/ dan 03-024/1/10
- Ikrar Wakaf Syeikh Abdul Kadir (1830 Masihi) dan Salinan Bahasa Rumi (1961 Masihi) Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji JAWHAR. 2009. *Manual Pengurusan Tanah Wakaf*, Kuala Lumpur: Matang Cipta Sdn. Bhd, ed 2.
- Lembaga Penyelidikan Undang-Undang. 2017. 'Kanun Tanah Negara 1965 / Akta 56' ed. 1, Selangor: Golden Books Centre Sdn Bhd.
- Lembaga Penyelidikan Undang-Undang. 2012. 'Perlembagaan Persekutuan' ed.1. Selangor: International Law Book Services.
- Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu MAIDAM. 2018. 'Laporan Tahunan MAIDAM 2017'. Kuala Terengganu: Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu, ed 1.
- Mohamad, M. R., Mohd Yusoff, Z., & Nordin, N. 2020. Pelaksanaan Wakaf Zuriat Di Terengganu. *Malaysian Journal of Islamic Studies (MJIS)*, 4(1), 107-114.
- Mohamad, M. R., Mohd Yusoff, Z., & Nordin, N. 2020. Dokumentasi Tanah Wakaf di Negeri Terengganu Sebelum Kemerdekaan dan Implikasinya Terhadap Keputusan Jawatankuasa Fatwa. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(5), 81 - 88.

- Mohamad, M. R., Mohd Yusoff, Z., & Nordin, N. 2022. Wakaf Irsad Di Negeri Terengganu: Satu Kajian Perbandingan Antara Hukum Syarak dan Pelaksanaannya. *Kajian Malaysia (Journal of Malaysia Studies)* Vol. 41, No. (2), 2-21
- Riswadi Azmi. 2022. Sumbangan Sultan Omar (m. 1876) dalam Penulisan Manuskrip Quran Terengganu Pada Abad ke 19. *Journal of al-Tamaddun*, 17(1), 127-140.
- Rosdi Nik Ahmad. 2011. *Ilmuan Nusantara: Mutiara Ilmu Tanah Serumpun*, Selangor: PTS Islamika Sdn Bhd, ed 1.
- Yayasan Wakaf Malaysia (YWM). 2015. *7 Pintu Asas Kefahaman Wakaf*, Selangor: Reka Cetak Sdn Bhd, ed 1.
- Zurita Mohd Yusoff. 2019. Sumbangan Syeikh Malik Bin Abdullah dan Keturunannya dalam Pengajian Pondok di Terengganu dan Kelantan. *Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management*. Vol 23.